

FKAL UMS anjur bengkel penerbitan jurnal berindeks

UB 1-11-2018 Ag

LABUAN: Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Bengkel 'How to Publish in Indexed Journal' yang diadakan di sini bersempena 3rd Applied International Business Conference (AIBC) 2018.

Bengkel itu dikendalikan oleh Profesor dari Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Ts Dr Hj Norazah Mohd Suki



PESERTA bengkel merakamkan gambar kenangan bersama Norazah.



NORAZAH menggalakkan penerbitan secara efektif.

yang merupakan penerima Malaysia's Research Star Award 2018 dengan sitasi index SCOPUS yang tinggi.

Dalam bengkel itu, beliau berkongsi tips penulisan jurnal, teknik memilih jurnal berkaitan topik penyelidikan, elemen 'peer review' dan sebagainya.

"Bengkel ini bertujuan menarik minat ahli akademik dan pelajar pascasiswazah khususnya dalam bidang penulisan dan penerbitan melalui pendedahan tentang kemahiran penulisan jurnal yang efektif dan layak untuk diterbitkan di jurnal berindeks seperti ISI, SCOPUS dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, salah seorang peserta bengkel, Dr Maya

Puspa Rahman teruja dapat menyertai bengkel yang banyak memberikan ilmu baharu buat peserta.

"Melalui bengkel ini, saya mendapat pendedahan mengenai teknik penulisan dan penerbitan yang efektif bagi menghasilkan artikel jurnal yang lebih berkualiti dalam memenuhi kriteria editor jurnal, dan diharapkan agar bengkel sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang," katanya.

Seramai 40 orang terdiri daripada ahli akademik dan pelajar pascasiswazah dari pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia serta luar negara menyertai bengkel itu.